



MEREALISASIKAN MAQĀSID SYARIAH DALAM PEMBIAYAAN MIKRO ISLAM REALIZING MAQĀSID SHARĪ'AH IN ISLAMIC MICROFINANCE

^{*1,2} Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi, ^{1,2} Muhamad Firdaus Ab Rahman & ^{1,2} Azman Ab Rahman

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai,
Negeri Sembilan.

²International Fatwa and Halal Centre, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai,
Negeri Sembilan.

*Corresponding E-mail: hussein@usim.edu.my

Abstract

Islamic microfinance is among the scientifically proven instruments in its ability to empower the impoverished and marginalized population. The instrument targets the poor by providing credit access for profitable activity purposes. However, several issues deserve attention, particularly when Islamic microfinance institutions impose high-profit charges on customers. This causes the poor people to feel burdened with debt and continue to be trapped in a vicious circle of poverty. The institution also seems to prioritize profitable customers and marginalize extreme poor applicants. Not to mention the approach that prioritizes female customers, which also triggers other social problems. Besides, Sharī'ah governance issues also still need a lot of improvement. These issues give the impression that the practice of existing Islamic microfinance is not in line with the maqāsid Sharī'ah. Failure to realize maqāsid would render the Sharī'ah practices meaningless. Hence, the present study attempts to discuss the realization of maqāsid sharī'ah in Islamic microfinance. Library research, inductive and deductive methods are adopted consistently. The study's outcomes propose a framework to realize maqāsid Sharī'ah in the practical circumstances of Islamic microfinance.

Keywords: Islamic Microfinance, Challenges, Solution, Maqāsid Sharī'ah, Poor Population.



Abstrak

Pembiayaan mikro Islam merupakan antara instrumen kewangan yang terbukti secara saintifik akan kemampuannya untuk mengupayakan populasi miskin dan luar bandar. Instrumen ini mensasarkan populasi miskin dan berfungsi dengan cara memberikan akses kredit kepada populasi ini untuk tujuan aktiviti-aktiviti yang boleh menjana keuntungan. Walau bagaimanapun, mutakhir ini timbul permasalahan apabila institusi pembiayaan mikro Islam mengenakan caj keuntungan yang tinggi kepada pelanggan. Ini mengakibatkan mereka merasa terbeban dengan hutang dan terus terbelenggu dalam lingkaran kemiskinan. Institusi ini juga kelihatan lebih mengutamakan pelanggan yang boleh menguntungkan dan meminggirkan pemohon miskin tegar. Pendekatan institusi ini yang hanya mengutamakan pelanggan wanita turut menimbulkan beberapa masalah sosial yang lain. Permasalahan tadbir urus Syariah juga masih memerlukan banyak penambahbaikan. Situasi seumpama ini boleh memberi gambaran seolah-olah amalan pembiayaan mikro Islam sedia ada tidak selari dengan maqāsid syariah. Kegagalan mencapai maqāsid menyebabkan amalan menjadi sia-sia. Kajian ini membincangkan aspek merealisasikan maqāsid syariah dalam pembiayaan mikro Islam. Kaedah kepustakaan, induktif dan deduktif digunakan secara konsisten. Hasil kajian turut mencadangkan kaedah pencapaian maqāsid syariah sebagai usaha untuk menambahbaik pelaksanaan semasa pembiayaan mikro Islam.

Kata Kunci: Pembiayaan mikro Islam, cabaran, solusi, maqāsid syariah, populasi miskin.

Pendahuluan

Syariah menjadikan aspek pengupayaan masalah manusia sebagai antara agenda utamanya. Prinsip kesejahteraan, kemudahan, belas ihsan, hikmah dan keadilan universal antara yang ditekankan oleh al-Quran dan hadis. Walau bagaimanapun, realiti hari ini menunjukkan banyak negara-negara Islam kelihatan seperti tergelincir dari konsep masalah sejagat. Masyarakat Muslim sering dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan. Menurut data daripada Human Development Index yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) (2019), sejumlah besar negara-negara majoriti Muslim direkodkan sebagai berpopulasi 'miskin' atau 'miskin tegar'. Negera-negara ini juga turut mendapat skor yang agak rendah dari aspek nutrisi seimbang, kesihatan, jangka hayat munasabah dan pendidikan. Islam sebagai agama yang sejahtera amat menitikberatkan soal pembangunan dan pengupayaan populasi miskin. Di dalam al-Quran menyebut:

Terjemahan: Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah... memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.

(Surah Al-Baqarah 2: 177)



Islam adalah agama yang menitikberatkan soal perlindungan dan agihan harta secara adil. Islam telah mengusulkan beberapa strategi bagi memperkasakan populasi miskin. Antaranya melalui hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

Terjemahan: Seorang lelaki miskin dari kaum Ansar telah datang kepada Nabi SAW meminta-minta daripada baginda. Nabi SAW berkata: Apakah barang yang engkau ada di rumah? Lelaki itu berkata: Sehelai selimut yang kami gunakan (untuk tidur dan sebuah kendi yang kami gunakan untuk minum. Nabi SAW berkata: Bawakan semuanya kepadaku. Lalu baginda SAW lelongkan barang-barang tersebut. Hasilnya sebanyak dua Dirham diserahkan kepada lelaki tersebut. Baginda SAW berkata: Gunakan satu dirham untuk keperluan makanan keluargamu, satu dirham lagi untuk membeli kapak dan bawa ia kepadaku. Lelaki tersebut mengikut perintah Nabi SAW dan baginda berkata: keluarlah dan kumpullah kayu api. Jangan bertemuku selepas lima belas hari. Lelaki tersebut menurut perintah nabi dan dia datang semula bersama sepuluh dirham (hasil jualan kayu api). Nabi SAW berkata: Ini lebih baik daripada engkau datang di Hari Kiamat dengan muka bertanda sebagai pengemis. Mengemis itu adalah untuk mereka yang benar-benar miskin yang terbeban dengan hutang atau beban diyat.

(Sunan Ibn Majah, 2007)

Beberapa strategi pembasmian kemiskinan dapat dipelajari melalui hadis ini. Pertama, keperluan kepada rangkuman kewangan atau *financial inclusion*. Ia merujuk kepada pemberian akses pembiayaan kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira status (Yoshino dan Morgan 2018). Rangkuman kewangan juga merupakan antara mekanisme terpenting dalam agenda pembasmian kemiskinan (World Bank, 2015). Kedua, antara kaedah berkesan dalam pembasmian kemiskinan dan pemerasaan populasi luar bandar ialah melalui aktiviti perniagaan. Ketiganya, populasi miskin perlulah dibimbing sebaiknya tentang bagaimana untuk menguruskan wang bagi aktiviti perusahaan yang boleh membawa keuntungan. Keempatnya, disamping bimbingan pengurusan, perlunya untuk menasihati golongan miskin secara konsisten tentang kepentingan berdikari dan keburukan meminta-minta (H. 'Azeemi A. Thaidi et al., 2019).

Makalah ini bertujuan untuk meninjau aspek pencapaian maqāsid Syariah dalam aplikasi pembiayaan mikro Islam. Makalah ini dapat dibahagikan kepada beberapa sub-seksyen. Ia dimulakan dengan pendahuluan dan perbincangan tentang pembiayaan mikro Islam dan maqāsid syariah. Beberapa isu dan cabaran dalam pembiayaan mikro Islam turut dikenalpasti. Makalah seterusnya disusuli dengan cadangan kerangka kerja maqāsid syariah dalam pelaksanaan pembiayaan mikro Islam. Cabaran untuk mengintegrasikan wakaf-pembiayaan mikro Islam turut dianalisis. Di akhirnya, beberapa konklusi utama akan disimpulkan.

Konsep Pembiayaan Mikro Islam

Pembiayaan mikro adalah perkhidmatan kewangan berskala kecil yang boleh terdiri dari kredit, simpanan, insurans dan pelaburan. Ia dipanggil 'mikro' kerana mensasarkan golongan marginal miskin yang sering dipinggirkan oleh perbankan arus perdana dengan memberikan akses kewangan berskala kecil untuk tujuan keusahawanan (Kiiru, 2007). Agak sukar untuk mendapatkan definisi yang seragam terhadap pembiayaan mikro yang dicadangkan oleh dunia akademik. Otero (1999) mendefinisikan pembiayaan mikro sebagai penawaran perkhidmatan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar. Definisi ini sedikit



berlainan daripada perlaksanaan sedia ada kerana institusi pembiayaan mikro sering mengelak dari memberi perkhidmatan kepada miskin tegar untuk meminimalkan risiko penyelewangan duit pembiayaan (*moral hazard*). Karlan & Goldberg (2011) menyatakan pembiayaan mikro merujuk kepada penawaran kewangan berskala kecil secara inklusif untuk golongan yang tidak mendapat akses perkhidmatan perbankan arus perdana. Walaupun definisinya pelbagai, namun konsep serta intipatinya tetap sama iaitu pembiayaan mikro adalah instrumen yang bercirikan skala kecil, alat rangkuman kewangan, menjadikan golongan miskin sebagai target utama dan objektif utamanya untuk memperkasakan populasi miskin melalui aktiviti keusahawanan.

Pembiayaan mikro sering dikaitkan dengan penubuhan Grameen Bank di Bangladesh yang diasaskan oleh Prof. Muhammad Yunus pada tahun 1983. Populasi miskin bukan sahaja ditawarkan akses kewangan dan pembiayaan, malah perusahaan mereka turut dibantu melalui kursus-kursus berkaitan keusahawanan bagi memperkemaskan ilmu dan kemahiran pelanggan dalam bidang perusahaan mereka. Natiujahnya, beberapa kajian empirikal menunjukkan bahawa inisiatif Grameen Bank ini telah memberi impak positif dalam usaha pembasmian kemiskinan (Bhuiyan et al., 2017; Khandker, 1996; Siwar & Talib, 2001; Wahid, 1994). Pencapaian cemerlang ini menyebabkan Prof Yunus dan Grameen Bank dianugerahkan Nobel Peace Price pada tahun 2006. Walau bagaimanapun, Grameen Bank masih sebuah institusi pembiayaan mikro tidak patuh Shariah kerana mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikan. Survey yang dijalankan oleh Karim, Tarazi, dan Reille (2008) menunjukkan bahawa majoriti masyarakat muslim di negara-negara miskin enggan terlibat dengan pinjaman riba atas asas ianya bertentangan dengan prinsip dan nilai Syariat. Menyedari keperluan ini, aplikasi pembiayaan mikro Islam perlu lebih dipergiatkan bagi menyantuni keperluan masyarakat muslim miskin.

Melalui tinjauan literatur, didapati bahawa pembiayaan mikro Islam telah diamalkan lebih awal. Sungguhpun Grameen bank (pembiayaan mikro konvensional) merupakan antara institusi popular¹, perlu dinyatakan bahawa menurut sejarahnya, pembiayaan mikro Islam telah bermula sejak tahun 1963 melalui penubuhan Mitt Ghamr Savings Bank (MGSB). Ia ditubuhkan sebagai respon terhadap kemiskinan komuniti muslim pendalaman khususnya di Mesir. Walaupun MGSB sering didakwa sebagai bank Islam yang pertama, namun konsep, aplikasi serta *substansinya* adalah mirip sebuah institusi pembiayaan mikro. Ini kerana MGSB melaksanakan modus operandi pembiayaan mikro seperti berikut (Mayer, 1985; Sultan, 2012):

1. Memberi pembiayaan berkskala kecil (mikro) kepada pelanggan
2. Akses kepada pembiayaan adalah untuk tujuan aktiviti keusahawanan
3. Target pelanggan adalah golongan miskin dan luar bandar
4. Pelanggan perlu dibantu untuk menjadi usahawan mikro berjaya dengan menyediakan program sokongan keusahawanan dan pengurusan
5. Menggunakan pendekatan kolateral sosial sebagai ganti kolateral aset yang sering diamalkan dalam sistem kewangan komersial.

¹ Sejumlah besar pengkaji beranggapan bahawa Grameen Bank yang ditubuhkan pada 1983 merupakan institusi pembiayaan mikro pertama di dunia, antaranya Desai (2014); George (2014) dan Westover (2010).



Pembiayaan mikro Islam pada dasarnya ialah sistem kewangan yang mengaplikasikan dan membangunkan kontrak-kontrak muamalat Islam dalam penawaran produk dan perkhidmatan. Murābāḥah, qarḍ al-ḥasan dan mushārakah antara kontrak yang menjadi tumpuan utama. Boleh dikatakan bahawa pembiayaan jenis ini berbeza dengan sektor kewangan komersial (perbankan, pelaburan, takaful dan sukuk) dalam dua aspek utama iaitu objektif perlaksanaan dan target pelanggan. Pembiayaan mikro Islam memfokuskan populasi miskin dan luar bandar sebagai target pelanggan dan menjadikan pembasmian kemiskinan sebagai objektif utamanya. Rahman (2007) dan Ahmed (2002) merumuskan bahawa pembiayaan mikro Islam turut berbeza dengan konvensional dari beberapa sudut:

Jadual 1: Perbandingan pembiayaan mikro Islam dan konvensional

	Pembiayaan mikro Islam	Pembiayaan mikro konvensional
Sumber kewangan	Sumber luar, simpanan pelanggan, zakat, wakaf dsb.	Sumber luar, simpanan pelanggan
Instrumen pembiayaan	Pelbagai instrumen muamalat, contoh: Murābāḥah, qarḍ al-ḥasan dan mushārakah.	Pinjaman berasaskan faedah
Populasi sasaran	Populasi miskin tegar dan sederhana	Miskin sederhana sahaja
Kumpulan sasaran	Keluarga dan wanita	Wanita sahaja
Tanggungan beban hutang	Pelanggan dan pasangan	Pelanggan sahaja
Cara mengatasi emungkiran (default)	Jaminan kumpulan dan pasangan, etika Islam	Tekanan kumpulan
Modus operandi	Menekankan aspek nilai keagamaan dan kepatuhan Syariah	Sekular (tidak patuh Syariah)

Sungguhpun mauduk pembiayaan mikro Islam jarang dikupas secara terperinci dalam akademik kewangan Islam, namun ia merupakan komponen yang amat penting dan mendasar. Ia berfungsi sebagai pelengkap sistem kewangan Islam sedia ada sebagai mekanisme untuk melaksanakan sistem kewangan terangkum (*financial inclusion*). Ini kerana sistem kewangan Islam komersial *mainstream* dilihat lebih bersifat eksklusif di mana produk dan perkhidmatannya lebih tertumpu kepada memaksimumkan keuntungan dengan menasaskan masyarakat kelas menengah dan kelas atasan. Melalui pembiayaan mikro Islam yang lebih berorientasikan sosial, sistem kewangan Islam dilihat lebih komprehensif dengan merangkumkan populasi kelas bawahan sebagai golongan sasaran. Ini sekaligus mampu menyumbang ke arah mengembalikan amalan kewangan Islam ke posisinya yang asal iaitu untuk memberi impak yang lebih berkesan terhadap masyarakat (Chapra 1979; Lone 2016; Mohammad dan Shahwan 2013).



Maqāsid Syariah dalam Kewangan Islam

Maqāsid syariah merujuk kepada satu cara faham syariah yang lebih komprehensif yang tidak terbatas kepada isu teknikal hukum hakam tetapi mencakupi *raison d'être* atau tujuan kewujudan syariah untuk membawa kesejahteraan dan manfaat kepada manusia. Setiap perkara yang didakwa sebagai mematuhi syariah mestilah mencapai hasrat ini seperti yang ditekankan oleh Ibn al-Qayyim (2002) bahawa:

Terjemahan: “Sesungguhnya Syariah itu keseluruhan asasnya adalah kebijaksanaan dan kebaikan untuk manusia di dunia dan di akhirat. Syariah itu keseluruhannya keadilan, kebaikan dan kebijaksanaan. Justeru, setiap yang terkeluar dari garis keadilan kepada kezaliman, dari belas ihsan kepada berlawanan dengannya, dari kebaikan kepada kerosakan, dari kebijaksanaan kepada sia-sia; kesemua ini bukan dari syariah walaupun diberikan penafsiran untuknya”.

Oleh itu, dalam kewangan Islam, aspek kepatuhan syariah tidak terbatas kepada memenuhi keperluan teknikal bagi sesebuah kontrak, tetapi perlu diperluaskan mencakupi aspek kesejahteraan manusia. Menyedari kepentingan ini, beberapa pengkaji menggariskan beberapa matlamat kesejahteraan perlu dicapai dalam amalan kewangan Islam antaranya (Chapra, 1979; Lone & Ahmad, 2017):

- i) penerapan norma dan nilai Islam dalam aktiviti komersil
- ii) menjunjung prinsip persaudaraan dan keadilan universal
- iii) menghapuskan jurang pendapatan antara masyarakat
- iv) mempromosikan kebajikan sosial

Terkini, Bank Negara Malaysia turut menggariskan agenda Perantara Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation, VBI) yang berasaskan maqāsid syariah. VBI mensasarkan agar amalan kewangan Islam mampu mencapai maqāsid syariah dalam amalannya, aktiviti kewangan dan penawaran produk. Ia bukan sahaja mampu memenuhi permintaan pemegang taruh, malah turut mampu memberi impak yang lebih berkesan terhadap kelestarian ekonomi, masyarakat dan alam sekitar (Bank Negara Malaysia, 2018). Beberapa maqāsid menjadi tonggak utama VBI antaranya pencapaian keadilan, penerapan nilai-nilai Islam (etika, moral dan akhlak), memperkasakan tanggungjawab sosial dan penjagaan harta (*ḥifz al-māl*) melalui edaran, agihan serta perlindungan harta yang meyakinkan (Hassan & Nor, 2019).

Inisiatif mencapai maqāsid syariah dalam erti kata yang sebenarnya memerlukan komitmen yang tinggi lebih-lebih lagi dalam suasana urusniaga kapitalis yang berorientasikan memaksimumkan keuntungan. Beberapa dapatan kajian empirikal menunjukkan masih banyak usaha penambahbaikan pada aspek pencapaian maqāsid syariah. Asutay (2012) dan Nienhaus (2011) menyatakan kerisauan apabila institusi kewangan Islam (bank, operator takaful dan permodalan Islam) agak selesa dengan orientasi memaksimumkan keuntungan hingga mengesampingkan misi sosial. Mereka lebih mengutamakan pelanggan daripada masyarakat kelas menengah dan atas yang menyebabkan golongan miskin kelihatan tersisih daripada produk kewangan arus perdana (Cebeci, 2012; Naceur et al., 2015). Amalan kepatuhan syariah lebih tertumpu kepada aspek teknikal dan permukaan hukum fiqh manakala maqāsid dan intipati syariah kurang ditekankan (Asutay & Harningtyas, 2015). Namun perlu diakui bahawa usaha ini memerlukan usaha yang berterusan dan sokongan semua pihak.




Cadangan Kerangka Kerja Maqāsid Syariah dalam Pembiayaan Mikro Islam

Syariah Islam telah menggariskan beberapa tujuan (maqāsid) yang harus direalisasikan bagi memastikan sesuatu aktiviti dapat mencapai status patuh syariah dengan lebih sempurna (Thaidi, 2018). Antara maqāsid yang penting adalah seperti apa yang dipopularkan oleh al-Ghazzālī (1997) bahawa maqāsid boleh dikategorikan kepada lima yang utama iaitu: penjagaan agama (ḥifz al-dīn), penjagaan nyawa (ḥifz al-nafs), penjagaan intelektual (ḥifz al-‘aql), penjagaan keturunan (ḥifz al-nasl), penjagaan harta (ḥifz al-‘aql) dan penjagaan harta (ḥifz al-māl). Maqāsid ini juga merupakan antara yang praktikal untuk dicapai dalam suasana operasi pembiayaan mikro Islam disamping ia disifatkan sebagai inklusif dan qat‘ī (Al-Raysūnī, 1999).

Untuk mencapai maqāsid, kajian ini menggunakan cadangan daripada al-Yūbī (1998) Auda (2011) bahawa cara yang sistematik untuk mencapai maqāsid ialah dengan mengenalpasti wasilah yang sesuai mengikut suasana dan keadaan sesuatu bidang atau sesuatu zaman. Wasilah adalah medium yang lebih fleksibel yang boleh berubah mengikut suasana manakalah maqāsid sifat tetap dan rigid. Idea yang hampir serupa dengan apa yang diutarakan oleh al-Qaran-Al-Ziyadat (2016) bahawa terdapat kekeliruan dalam kalangan pengkaji kontemporari yang cuba memberikan penafsiran baru terhadap maqāsid sebagai usaha untuk mencapainya dalam konteks moden. Walau bagaimanapun, maqāsid tidak selalu berhajatkan kepada penafsiran baharu kerana yang lebih mustahak adalah mencari wasilah yang sesuai menurut situasi dan kondisi. Sebagai contoh, dalam sektor perbankan Islam, inisiatif menyediakan kontrak patuh syariah dan menginstitusikan tanggungjawab sosial merupakan wasilah bagi mencapai ḥifz al-māl (Laldin & Furqani, 2013a).

Justeru, kajian ini cuba mengenalpasti wasilah yang sesuai untuk mencapai maqāsid yang lima dengan mengambilkira konteks industri pembiayaan mikro Islam. Pengenalpastian ini dilakukan menggunakan kaedah sorotan literatur secara sistematik terhadap karya-karya berkaitan pembiayaan mikro dan maqāsid syariah. Ia penting untuk menstruktur sebuah kerangka kerja maqāsid yang boleh dilaksanakan. Cadangan kerangka kerja maqāsid syariah bagi operasi pembiayaan mikro Islam adalah seperti berikut:

Rajah 1: Kerangka Kerja Maqāsid Syariah bagi Pembiayaan Mikro Islam





Makhdūm (1999) berpandangan bahawa wasilah perlu ditentukan dan dilaksanakan dengan sebaiknya kerana ia merupakan indikator bahawa sesebuah maqāsid itu dicapai. Dengan perkataan lain, apabila terlaksananya wasilah, maka tercapailah maqāsid. Justeru, pelaksanaan wasilah secara baik dan teratur mampu menjadi kayu ukur bahwa maqāsid dapat dicapai dalam operasi pembiayaan mikro Islam. Dalam aspek penjagaan agama, penawaran produk yang patuh syariah merupakan wasilah yang utama yang menjadi asas kepada pelaksanaan pembiayaan mikro Islam itu sendiri (Laldin & Furqani, 2013b; Rosly, 2010; Vejzagic & Smolo, 2011). Kajian Karim et al. (2008) mendapati bahawa kebanyakan populasi miskin di negara-negara Islam enggan melanggan pembiayaan mikro konvensional atas asas ia boleh merosakkan agama individu muslim. Oleh itu, penawaran produk patuh syariah boleh mambantu menjaga agama sekaligus menarik lebih ramai populasi miskin menyertai pembiayaan mikro Islam. Jaminan makanan (*food security*) dan penjagaan kesihatan (*healthcare*) merupakan wasilah untuk mencapai maqāsid penjagaan nyawa dalam konteks operasi pembiayaan mikro (Oladapo & Ab Rahman, 2016; Zakaria, 2014). Untuk melaksanakan wasilah ini, kolaborasi dengan agensi berkaitan pemerkasaan populasi miskin seperti pusat zakat dan jabatan kebajikan masyarakat antara inisiatif yang boleh dilakukan. Penawaran skim perlindungan kesihatan seperti takaful mikro antara yang praktikal untuk menjaga aspek kesihatan.

Bagi tujuan penjagaan intelek, pengetahuan berkaitan keusahawanan adalah wasilah yang penting. Ini kerana misi pembiayaan mikro adalah untuk memperkasakan populasi miskin melalui bergiat dalam aktiviti yang mencipta keuntungan khususnya keusahawanan. Namun tanpa ilmu dan kemahiran yang mencukupi boleh menyebabkan sesebuah perusahaan mengalami kerugian khususnya dalam kalangan industri mikro. Justeru, ilmu keusahawanan dilihat relevan sebagai wasilah penjagaan intelek dalam suasana operasi pembiayaan mikro (El-Din, 2013). Pengukuhan institutsi kekeluargaan pula diyakini sebagai wasilah yang sesuai untuk menjaga keturunan kerana keluarga yang baik adalah asas fundamental bagi keturunan (anak-anak) yang baik.

Cadangan ini bersesuaian dengan agenda Pembiayaan mikro Islam yang mengutamakan aspek pemerkasaan keluarga berbanding pemerkasaan golongan wanita yang biasa ditekankan dalam operasi pembiayaan mikro konvensional (Morsid & Abdullah, 2014; Obaidullah, 2008). Bagi maqāsid penjagaan harta, Kamali (2017) berpandangan bahawa agenda pemerasan harta dan penciptaan keuntungan merupakan aspek yang perlu diusahakan oleh masyarakat muslim. Dalam konteks pembiayaan mikro, penciptaan keuntungan dalam bisnes pelanggan (golongan miskin) adalah elemen penting kerana dengan penjanaan pendapatanlah populasi miskin dapat keluar dari garis kemiskinan.

Kesimpulan

Pembiayaan mikro Islam merupakan instrumen yang menjadi harapan golongan miskin untuk mendapatkan akses kewangan bagi tujuan keusahawanan mikro. Ia telah terbukti akan kemampuannya untuk membasmi kemiskinan. Sungguhpun telah banyak perbincangan dilakukan antara maqāsid syariah dan kewangan Islam komersil, namun isu ini masih baharu dalam konteks pembiayaan mikro Islam. Kajian ini cuba meninjau aspek pencapaian maqāsid dalam konteks operasi pembiayaan mikro Islam. Ia mencadangkan sebuah kerangka kerja awal maqāsid untuk pelaksanaan pembiayaan mikro Islam. Kajian ini boleh dijadikan rujukan khususnya bagi institusi penawar pembiayaan mikro Islam agar perlaksanaannya dapat



diperkembangkan bukan sekadar mematuhi aspek hukum hakam, tetapi mampu mencapai tujuan syariah.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan FRGS, kod penyelidikan: FRGS/1/2020/SSI0/USIM/02/9. Kajian ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dan ahli-ahli penyelidik.

Rujukan

- Ahmed, H. (2002). Financing Microenterprises: An Analytical Study of Islamic Microfinance Institutions. *Islamic Economic Studies*, 9(2), 27–64.
- Al-Ghazzālī, A. Hāmid. (1997). *Al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl* (S. Al-Ashqar (ed.)). Muassasah Al-Risalah.
- Al-Raysūnī, A. (1999). *Al-Fikr al-Maqāsidī Qawā'iduhu wa Fawā'iduhu*. Dār al-Baydā'.
- Al-Yūbī, M. S. (1998). *Maqāsid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah wa 'Alāqatuhā bi al-Adillah al-Sharī'yyah*. Dār al-Hijrah.
- Al-Ziyadat, N. (2016). Measuring Maqasid Shariah. *Islamic Finance News*, June, 24.
- Asutay, M. (2012). Conceptualising and Locating the Social Failure of Islamic Finance: Aspirations of Islamic Moral Economy vs the Realities of Islamic Finance. *Asian and African Area Studies*, 11(2), 93–113.
- Asutay, M., & Harningtyas, A. F. (2015). Developing Maqasid al-Shari'ah Index to Evaluate Social Performance of Islamic Banks: A Conceptual and Empirical Attempt. *International Journal of Islamic Economics and Finance Studies*, 1(1), 5–64.
- Auda, J. (2011). A Maqasidi approach to contemporary application of the Shari'ah. *Intellectual Discourse*, 19, 193–217.
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Value-based Intermediation: Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance*.
- Bhuiyan, A. B., Siwar, C., Ismail, A. G., & Omar, N. (2017). The Experiences of The Grameen And Islami Bank Microfinance on The Poverty Alleviation in Bangladesh. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 13(3), 64–81.
- Cebeci, I. (2012). Integrating the social maslaha into Islamic finance. *Accounting Research Journal*, 25(3), 166–184.
- Chapra, M. U. (1979). *Objectives of the Islamic Economic Order* (Leicester). The Islamic Foundation.
- Desai, M. (2014). *The Paradigm of International Social Development: Ideologies, Development Systems and Policy Approaches*. Routledge.
- El-Din, S. I. T. (2013). *Maqasid Foundations of Market Economics* (R. Wilson (ed.)). Edinburgh University Press Ltd.
- George, A. (2014). Are Microfinance Banks Important in Deposit Mobilisation in Nigeria? *Research Journal of Finance and Accounting*, 5(9), 53–58.
- Hassan, R., & Nor, F. M. (2019). Value-Based Intermediation: An Analysis from The Perspective of Shariah And Its Objectives. *International Journal of Fiqh and Usul Al-Fiqh Studies*, 3(1), 81–89.
- Ibn al-Qayyim. (2002). *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* (Abū 'Ubaydah Ālu Salmān & A. 'Umar Aḥmad (eds.); Vol. 4). Dār Ibn al-Jawzī.
- Kamali, M. H. (2017). The Shari'ah Purpose of Wealth Preservation in Contracts and Transactions. *Islam and Civilisational Renewal*, 8(2), 155–175.
- Karim, N., Tarazi, M., & Reille, X. (2008). Islamic Microfinance: An Emerging Market Niche. In *CGAP Focus Note 49* (No. 47001; Vol. 49, Issue August).
- Karlan, D., & Goldberg, N. (2011). Microfinance Evaluation Strategies: Notes on Methodology and



- Findings. *The Handbook of Microfinance*, 17–58.
- Khandker, S. R. (1996). Grameen Bank: Impact, Costs, and Program Sustainability. *Asian Development Review*, 14(1), 65–85.
- Kiiru, J. M. M. (2007). Microfinance: Getting Money To the Poor or Making Money Out Of the Poor? *Finance & The Common Good*, 2(GOOD/BIEN COMMUN-N° 27), 64–74.
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2013a). Developing Islamic Finance in the framework of maqasid al-Shari'ah. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 6(4), 278–289.
- Laldin, M. A., & Furqani, H. (2013b). The Foundations of Islamic Finance and The Maqāṣid al- Shari'ah Requirements. *Journal of Islamic Finance*, 2(1), 31–37.
- Lone, F. A. (2016). *Islamic banks and financial institutions: a study of their objectives and achievements* (Vol. 17, Issue 1). Palgrave Macmillan.
- Lone, F. A., & Ahmad, S. (2017). Islamic finance: more expectations and less disappointment. *Investment Management and Financial Innovations*, 14(1), 134–141.
- Majah, M. I. (2007). *Sunan Ibn Majah* (H. A. Z. 'Ali Za'i, N. Al-Khattab, & Abu Khaliyl (eds.)). Maktaba Darul Salam.
- Makhdūm, M. (1999). *Qawā'id al-Wasā'il fī al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Dār Ishbīliyyā.
- Mayer, A. E. (1985). Islamic Banking and Credit Policies in the Sadat Era: The Social Origins of Islamic Banking in Egypt. *Arab Law Quarterly*, 1(1), 32–50.
- Mohammad, M. O., & Shahwan, S. (2013). The Objective of Islamic Economic and Islamic Banking in Light of Maqasid Al-Shariah: A Critical Review. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13, 75–84.
- Morsid, N., & Abdullah, R. (2014). The Effectiveness of Islamic Microfinance in Brunei Darussalam: A Case Study. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 11(1), 33–58.
- Naceur, S. Ben, Barajas, A., & Massara, A. (2015). *Can Islamic Banking Increase Financial Inclusion?* (WP/15/31; IMF Working Paper, Issue February).
- Nienhaus, V. (2011). Islamic finance ethics and Shari'ah law in the aftermath of the crisis: Concept and practice of Shari'ah compliant finance. *Ethical Perspectives*, 18(4), 591–623.
- Obaidullah, M. (2008). *Introduction to Islamic Microfinance* (Issue February). International Institute of Islamic Business and Finance.
- Oladapo, I. A., & Ad Rahman, A. (2016). Maqasid Shariah: The Drive For an Inclusive Human Development Policy. *Shariah Journal*, 24(2), 287–302.
- Otero, M. (1999). Bringing Development Back , into Microfinance. *Journal of Microfinance*, 1(1), 1–10.
- Rahman, A. R. A. (2007). Islamic Microfinance: A Missing Component in Islamic Banking. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies*, 2, 38–53.
- Rosly, S. A. (2010). Shariah parameters reconsidered. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 3(2), 132–146.
- Siwar, C., & Talib, B. A. (2001). Micro-Finance Capacity Assessment for Poverty Alleviation: Outreach, Viability and Sustainability. *Humanomics*, 17(1), 116–133. <https://doi.org/10.1108/eb018864>
- Sultan, H. (2012). Islamic microfinance: Between commercial viability and the higher objectives of Shari'a. In S. N. Ali (Ed.), *Shari'a Compliant Microfinance* (pp. 46–58). Routledge.
- Thaidi, H. 'Azeemi A., Rahman, M. F. A., & Rahman, A. A. (2019). Analisis Strategi Pemerkasaan Asnaf Fakir Dan Miskin Berdasarkan Hadis Lelaki Anşār. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 446–457.
- Thaidi, H. 'Azeemi A. (2018). *How Can Maqāṣid al-Sharī'ah Contribute to the Development of Islamic Microfinance ? A Study of the Theory and its Application in Practice by Amanah Ikhtiar Malaysia*. University of Aberdeen.
- UNDP. (2019). *Human Development Index 2018*. United Nations Development Programme.
- Vejzagic, M., & Smolo, E. (2011). Maqasid al-Shariah in Islamic finance: an overview. *4th Islamic Economic System Conference*, 1–22.
- Wahid, A. N. M. (1994). The Grameen Bank and Poverty Alleviation in Bangladesh: Theory, Evidence and Limitations. *American Journal of Economics and Sociology*, 53(1), 1–15.
- Westover, J. H. (2010). The Impact of Microfinance Programmes on Poverty Reduction. *Spanda Journal*, 1(2), 25–28.
- World Bank. (2015). The Little Data Book in Financial Inclusion. In *Statewide Agricultural Land Use Baseline 2015* (Vol. 1). The World Bank.



- Yoshino, N., & Morgan, P. J. (2018). Financial Inclusion, Financial Stability and Income Inequality: Introduction. *The Singapore Economic Review*, 63(1), 1–7.
- Zakaria, M. (2014). The influence of human needs in the perspective of Maqasid al-Syari'ah on Zakat distribution effectiveness. *Asian Social Science*, 10(3), 165–173.